

2009

Buletin INSTUN

Institut Tanah dan Ukur Negara



EDARAN TERHAD

PERCUMA Bil 1 / Tahun 2009

KELUARAN BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN



Mei 2009

LAWATAN KERJA YANG BERHORMAT TAN SRI JOSEPH KURUP, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar ke INSTUN



menjadi institut latihan tanah, ukur dan pemetaan serta teknologi maklumat terbaik di Malaysia.

Agenda kemuncak taklimat khas Pengarah adalah upacara penyerahan sijil MS ISO 9001:2000 yang disempurnakan oleh Y.B Tan Sri sendiri. Upacara penuh bersejarah dengan irungan muzik gamelan Melayu menandakan satu lagi pencapaian INSTUN dalam konteks pengurusan latihan yang berkualiti.

Sekalung penghargaan buat Y.B Tan Sri atas kesudian mengadakan lawatan kerja dan terima kasih kepada semua warga INSTUN yang berusaha menjayakan lawatan kerja Y.B Tan Sri.

"INSTUN adalah yang terbaik", berikut adalah kata-kata yang diucapkan oleh Y.B Tan Sri Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar mengenai program latihan serta kursus yang ditawarkan di INSTUN. Y.B Tan Sri berkata demikian semasa mengadakan lawatan kerja ke INSTUN pada 21 Mei 2009.

Y.B Tan Sri dalam amanatnya memperlihatkan kesungguhan beliau untuk melihat INSTUN terus maju



Penerangan tentang pelan pembangunan INSTUN kepada Y.B Tan Sri



Taklimat khas Pengarah di Dewan Persidangan INSTUN



Penyampaian sijil MS ISO kepada Pengarah INSTUN

ISSN 1675-7998



Alamat

INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA,
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR,
BEHRANG ULU, 35950 TANJUNG MALIM,
PERAK DARUL RIDZUAN

SIDANG REDAKSI

Penaung

HJ. ZAINAL ABIDIN BIN HAJI ARSHAD
Pengarah INSTUN

Penasihat

HJ. MOHD BIN DOLLAH
K.B R&D

Editor

AZAM BIN OMAR
PKB R&D

Unit Berita

NURUL HIDA BINTI RAMLI
PKP Tanah
SULAIMI BIN AHMAD
PKP BTM
MAHRUZAMAN BIN MISRAN
PP Ukur

Unit Rekabentuk

AHMAD SYAWAL BIN YEOP AZIZ
Pereka R&D

Unit Fotografi

MOHAMAD HAFIZ BIN ABD AZIZ
Pereka R&D

Sidang Redaksi Buletin INSTUN mengalukan sumbangan dan tulisan semua warga INSTUN yang berminat. Semua karya hendaklah dihantar kepada:

Penerbit

**SIDANG REDAKSI BULETIN INSTUN,
INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA,
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR,
BEHRANG ULU,35950 TANJUNG MALIM,
PERAK DARUL RIDZUAN.**
TEL: 05-4542825
FAKS: 05-4542837
WEBSITE: www.instun.gov.my



SAMBUTAN HARI BERTEMU PELANGGAN NRE BERSAMA JABATAN SEMPENA HARI BUMI 2009

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mengadakan Hari Bertemu Pelanggan (HBP) bertempat di Underwater World, Langkawi, Kedah pada 7 hingga 9 Mei 2009.



INSTUN turut sama terlibat di dalam Hari Bertemu Pelanggan ini dengan mengadakan roadshow tanda memberi sokongan penuh dalam setiap aktiviti yang dianjurkan pihak NRE. Pelbagai cenderahati diberikan kepada pengunjung yang meluangkan masa di booth pameran INSTUN.

Semua jabatan di bawah NRE terlibat pada hari tersebut dan perasmian sambutan ini disempurnakan oleh Y. Bhg Dato' Zoal Azha bin Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.




Pegawai INSTUN memberi penerangan kepada Y. Bhg Dato' KSU



Y. Bhg Dato' KSU menandatangani buku pelawat INSTUN

SEMAK ARAH KIBLAT ANDA

Anda berpeluang untuk menyemak arah kiblat berikut fenomena matahari berada betul-betul di atas Kaabah. Fenomena ini hanya berlaku dua kali setahun dan berlaku pada 28 Mei kira-kira jam 5.16 petang yang lalu dan pada 16 Julai akan datang kira-kira jam 5.28 petang (mengikut waktu piaawai Malaysia) untuk tahun 2009 ini. Ketika matahari berada di atas Kaabah, bayang objek tegak di seluruh dunia akan membentuli arah kiblat.



SEMINAR SEHARI PENGAMBILAN TANAH
Sumber Kelab INSTUN



Pada 28 Mei 2009, bertempat di Quality Hotel Shah Alam, satu seminar anjuran Kelab INSTUN telah diadakan. Seminar Sehari Pengambilan Tanah, dibawah seliaan Encik Zahar bin Sapar ini telah menarik minat penyertaan dari segenap sektor meliputi agensi kerajaan, badan berkanun, *government link company* (GLC) dan juga swasta. Majlis perasmian disempurnakan oleh Yang Berbahagia Tuan Haji Zainal Abidin bin Haji Arshad, Tuan Pengarah INSTUN sendiri.

Seminar dimulakan dengan penceramah jemputan iaitu Y. Bhg. Dato Mazbar bin Abu Bakar, Timbalan KPTG. Seminar diteruskan dengan tenaga pengajar INSTUN sebagai penceramah iaitu Encik Saidon bin M. Salim, Encik Jalil bin Sabudin dan Encik Baharuddin bin Md Yusuf. Syabas dan tahniah kepada Kelab INSTUN di atas kejayaan Penganjuran Seminar Sehari Pengambilan Tanah.



Sebahagian peserta-peserta yang menghadiri seminar



Sesi dialog bersama penceramah-penceramah seminar

SOAL JAWAB AKTA PENGAMBILAN TANAH (APT) 1960

Sumber En. Baharuddin bin Md Yusuf

Bahagian 1

Soalan : Apakah tujuan Akta Pengambilan Tanah (APT) digubal?

Jawapan : APT membolehkan pengambilan tanah oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) untuk tujuan pembangunan dengan syarat dibayar ganti rugi kepada orang berkepentingan dalam bentuk pampasan yang munasabah.

SISTEM PENGURUSAN KURSUS (eSPEK)



Sistem Pengurusan Kursus atau eSPEK adalah sistem pengurusan kursus bersepadu secara online. Pengguna boleh memperolehi maklumat dan melaksanakan transaksi secara online. Permohonan kursus boleh dibuat dengan melayari laman web INSTUN : <http://www.instun.gov.my>

Lensa INSTUN

● Lawatan Pelatih-Pelatih Kem PLKN Geo Kosmo ke INSTUN (27 Mei 2009)



● Program Astronomi Pelajar Ma'ahad Muhammadi Perempuan, Kota Bharu, Kelantan (29 dan 30 Mei 2009)

